

## **KEBERKESANAN RONDAAN KOMUNITI RELA DI 157 KAWASAN BERFOKUS TAHUN 2020**

**Norhayati Rafida Abdul Rahim**

**Mohd Faiez Zaidon**

**Siti Zubaidah Muhammad**

### **ABSTRACT**

*The Malaysian Volunteer Department (RELA) has been conducting voluntary community patrols since 1 January 2018. It aims to create a safe environment as well as help contribute to the reduction of crime cases in the local area. Yet these voluntary community patrols do not have permanent patrol areas. Thus, RELA has created another community where this patrol is implemented in the hotspot areas. To what extent are community patrols implemented effectively? Therefore, this study is conducted to evaluate the level of effectiveness of RELA community patrols in 157 RELA focus areas. A quantitative approach is used through a random survey method to RELA members with feedback from 25,621 people. Descriptive and inferential analysis is conducted, and the findings reveal that the total number of respondents for the effectiveness of RELA community patrols for RELA members in Malaysia is 16,066 (62.7%) respondents, compared to 9,400 (37.3%) respondents for non -RELA members. The majority indicates community patrols are at an effective level. The T-test for the level of effectiveness among RELA members show a significant difference between male and female respondents,  $t (25619) = -18.153, p = 0.000$ . ANOVA analysis proves that statistically significant differences occur between the age groups of respondents with the level of effectiveness of RELA community patrols among RELA members ( $F (5,16100) = 3.514, p = .004$ ). In conclusion, RELA community patrols are needed by the community in Malaysia. Further studies need to look at the challenges and problematic issues faced by RELA members themselves.*

**Keywords:** *RELA, Voluntary Community Patrols, Hotspot*

## **ABSTRAK**

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah melaksanakan rondaan komuniti sukarela sejak 1 Januari 2018. Ia bertujuan mewujudkan persekitaran yang selamat di samping membantu menyumbang kepada pengurangan kes jenayah di kawasan setempat. Namun rondaan komuniti secara sukarela ini tidak mempunyai kawasan rondaan yang tetap. Justeru RELA telah mewujudkan satu lagi rondaan komuniti yang dinamakan rondaan komuniti berfokus di mana rondaan ini akan dilaksanakan di kawasan tersebut. Sejauh manakah rondaan komuniti dilaksanakan secara berkesan? Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menilai tahap keberkesanan rondaan komuniti RELA di 157 kawasan berfokus RELA. Pendekatan kuantitatif digunakan menerusi kaedah tinjauan secara rawak kepada anggota RELA dengan maklumbalas seramai 25,621 orang. Analisis deskriptif dan inferensi dijalankan dan dapatan menunjukkan Jumlah keseluruhan responden bagi keberkesanan terhadap rondaan komuniti RELA bagi kalangan anggota RELA di Malaysia seramai 16,066 (62.7%) responden, berbanding 9,400 (37.3%) responden bagi kalangan bukan anggota RELA. Majoriti menunjukkan rondaan komuniti adalah berada pada tahap berkesan. Ujian-T bagi tahap keberkesanan dalam kalangan anggota RELA menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara responden lelaki dan wanita,  $t(25619)=-18.153$ ,  $p=-0.000$ . Analisis ANOVA pula mendapati bahawa perbezaan yang signifikan berlaku secara statistik antara kumpulan umur responden dengan tahap keberkesanan rondaan komuniti RELA dalam kalangan anggota RELA ( $F (5,16,100) = 3.514$ ,  $p = .004$ ). Secara kesimpulannya, rondaan komuniti RELA adalah diperlukan oleh masyarakat di Malaysia. Kajian seterusnya perlu melihat kepada cabran dan isu permasalahan yang dihadapi oleh anggota RELA itu sendiri.

**Kata Kunci:** *RELA, Rondan Komuniti,Kawasan Berfokus*

## PENGENALAN

Pandemik COVID-19 yang telah mengorbankan banyak nyawa di Malaysia mula dikesan pada Januari 2020. Kerajaan Malaysia telah menggunakan segala sumber yang ada untuk melawan COVID-19 ini. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) merupakan antara agensi yang awal yang diberikan kuasa di bawah Seksyen 3 Peraturan Akta Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) bersama-sama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Lantikan pegawai RELA gred KP19 dan ke atas sebagai pegawai yang diberi kuasa bermula 18 Mac 2020. RELA adalah singkatan daripada Jabatan Sukarelawan Malaysia, sebuah jabatan Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang ditubuhkan pada 11 Januari 1972.

Sehingga kini, keanggotaan RELA adalah seramai 3,073,048 orang dari seluruh Malaysia. Berdasarkan jumlah ini, majoriti adalah berbangsa Melayu iaitu seramai 2,095,185 (68.2%). Bilangan anggota berbangsa Cina juga adalah lebih ramai iaitu seramai 382,057 (12.4%) berbanding dengan jumlah keanggotaan dari lain-lain bangsa iaitu seramai 344,976 orang (11%). Keanggotaan dari bangsa India pula menunjukkan bilangan seramai 136,074 (4.4%), diikuti dengan Bumiputra Sabah seramai 77,069 orang (3%), dan Bumiputra Sarawak seramai 37,687 (1%). Lain-lain bangsa adalah merujuk kepada bangsa Kadazan (1.7%), Dayak (0.13%), Melanau (1%), Iban (3.6%), Bajau (1.5%), Bidayuh (1%), Murut (0.41%), Orang Asli (0.73%), Singh (0.04%), Siam (0.12%), dan lain-lain (1.16%).

Dalam penguatkuasaan Standard of Procedure (SOP) bagi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ‘Total Lockdown’ yang dikuatkuasakan bermula 1 Jun 2021, terdapat lebih 98,376 pemeriksaan harian telah dilaksanakan oleh PDRM dengan bantuan RELA serta agensi-agensi yang lain bagi memastikan segala arahan dan SOP yang ditetapkan kerajaan dipatuhi oleh semua pihak. RELA juga turut melaksanakan rondaan sendiri di bawah OP LANDAI 2.0 bagi pemantauan pematuhan SOP PKP komuniti di

zon-zon merah. Bilangan anggota RELA yang aktif pada masa kini adalah mencukupi untuk tugas dan aktiviti RELA.

Pererangan melawan penularan pandemik COVID-19 sejak 2020 hingga sekarang turut melibatkan anggota-anggota RELA digerakkan dalam skala besar di barisan hadapan membantu Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), KDN dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) seperti mengawal stesen-stesen kuarantin, pusat-pusat saringan kesihatan, pusat-pusat pemberian vaksin, pusat-pusat simpanan vaksin, penjara-penjara satelit PRIDE, depoh-depoh tahanan sementara JIM dan pusat agihan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Sehingga 30 Jun 2021, sejumlah 7,597 petugas RELA telah terlibat dengan pelbagai jenis penugasan semasa PKP seperti butiran berikut:

- a. Stesen Kuarantin: 1,894 anggota
- b. Saringan Kesihatan: 141 anggota
- c. Rondaan Bersama Pegawai Yang Diberi Kuasa: 344 anggota
- d. Taskforce Bersama PDRM: 1,303 anggota
- e. Sekatan Jalan Raya (SJR): 1,778 anggota
- f. Kawasan Tumpuan: 88 anggota
- g. Bantuan JKM: 111 anggota
- h. Pusat Pemberian Vaksin: 1,938 anggota

## **RONDAAN KOMUNITI RELA**

RELA telah melaksanakan rondaan komuniti sukarela sejak 1 Januari 2018 bertujuan mewujudkan persekitaran rasa selamat dalam kalangan komuniti setempat. Namun rondaan komuniti secara sukarela ini tidak mempunyai kawasan rondaan yang tetap. Justeru RELA telah mewujudkan satu lagi rondaan komuniti yang dinamakan rondaan komuniti di kawasan berfokus di mana rondaan ini akan dilaksanakan di kawasan-kawasan yang ditetapkan seperti di Lampiran 1. Kekerapan rondaan komuniti RELA di kawasan berfokus ini adalah sebanyak dua kali seminggu. Rondaan ini melibatkan empat anggota bagi setiap rondaan untuk tempoh lapan jam.

Bagi Negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Johor rondaan komuniti ini dilakukan pada hari Jumaat dan Sabtu. Manakala bagi Negeri Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak rondaan dilakukan setiap hari Sabtu dan Ahad. Rondaan komuniti ini melibatkan kos sebanyak RM3,858,432 setahun bagi kesemua 157 kawasan yang berfokus tersebut. Sehubungan itu, analisis dan laporan kajian ini adalah berdasarkan kepada maklum balas dan penilaian setempat terhadap tahap persepsi, keberkesanan, dan sokongan terhadap pelaksanaan rondaan tersebut.

Rondaan komuniti di kawasan berfokus ini merupakan salah satu indeks pencapaian RELA bagi tahun 2020. Manakala pelaksanaan Kajian Keberkesanan Rondaan komuniti di Kawasan Berfokus pula merupakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri Dalam Negeri pada tahun 2020. Justeru itu, RELA telah menjalankan kajian ini melalui kaedah Google Form bermula dari 20 November hingga 31 Disember 2020. Sebanyak 25,621 responden telah memberikan maklum balas.

Berdasarkan daripada kajian, objektif utama dalam kajian ini adalah menilai tahap keberkesanan rondaan komuniti RELA di 157 kawasan berfokus RELA.

## KONSEP KESUKARELAWANAN

Sukarelawan bermaksud anggota yang melakukan sesuatu kerja secara sukarela di mana pekerjaan yang dilaksanakan tidak mempunyai apa-apa kontrak, hubungan kekeluargaan, hubungan persahabatan antara sukarelawan dan anggota yang dibantu (Azrina & Vishalavhe, 2016). Aktiviti sukarelawan yang dijalankan di negara kita kini menjadi perhatian daripada pelbagai kelompok masyarakat kerana tujuan pelaksanaannya didapati memberi banyak kebaikan kepada semua lapisan masyarakat. Pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti kesukarelawanan seperti kerja-kerja amal yang berfaedah berupaya menarik minat dan penyertaan pelbagai lapisan

masyarakat di Malaysia (Tharshini & Fauziah, 2019). Norehan (2018) menyatakan sukarelawan melakukan aktiviti kesukarelawan dengan berbagai-bagai khidmat nasihat, bimbingan, kaunseling, motivasi, gotong royong, kerja berkumpulan, penggunaan pelbagai kemahiran, aneka terapi dan proses pemulihan, penggunaan teknologi dan sebagainya.

Kepelbagai dan perbezaan latar belakang individu sukarelawan dari pelbagai bangsa, agama, usia, pendidikan, status perkahwinan, kerjaya dan jantina telah memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan pembahagian cara pengendalian program sukarela yang berlainan (Norehan, 2018). Menurut kajian lain, penglibatan individu itu terlibat secara langsung dengan aktiviti sukarela adalah berasaskan kepada kesanggupan dan keikhlasan mereka untuk berbakti kepada golongan yang memerlukan tanpa sebarang paksaan dan ganjaran yang setimpal (Tharshini & Fauziah, 2019). Selain itu, Zaiton (2020) turut berpendapat bahawa aktiviti kesukarelawan iaitu perlaksanaan pengawasan RELA adalah diperlukan dalam sesbuah komuniti setempat lebih-lebih lagi melibatkan kawasan yang menjadi tumpuan kes-kes jenayah kerap terjadi dan perlu diambil serius dalam menjamin keamanan masyarakat setempat. Pengawasan komuniti yang lebih strategik adalah satu falsafah organisasi polis iaitu menggalakkan strategi sukarelawan yang proaktif dalam menangani jenayah dan gangguan sosial masyarakat setempat (Zaiton, 2020).

## **MASYARAKAT DAN AKTIVITI KESUKARELAWANAN**

Kesukarelawan adalah aktiviti, program atau khidmat yang dirancang dan dilaksanakan secara ikhlas dan sukarela. Aktiviti kesukarelawan yang dilaksanakan memberi manfaat kepada individu, komuniti dan masyarakat sasaran yang dibantu, seterusnya akan mendatangkan impak positif kepada sukarelawan itu sendiri. Masyarakat setempat yang mendalmi aktiviti kesukarelawan yang dijalankan sebenarnya menerima impak positif terhadap pelaksanaan rondaan komuniti RELA di kawasan berfokus. Azrina dan Vishalache (2016) menjelaskan bahawa pendedahan serta

pengalaman berkaitan kesukarelawanan memberi peningkatan terhadap harga diri, mengukuhkan hubungan sosial dalam komuniti, amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan, dan kecerdasan dalam mengawal emosi terutamanya mereka yang terlibat dalam gejala negatif adalah antara impak yang baik dalam pelaksanaan keselamatan RELA ini dijalankan. Menurut Norehan (2018), sesuatu tingkah laku pro sosial yang dilakukan dengan cara mengikuti program sukarela memberi kesan yang positif terhadap kesejahteraan dan kegembiraan kepada pengamalannya.

## **KEBERKESANAN AKTIVITI KESUKARELAWANAN**

Penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawanan dilihat telah mencapai tahap keberkesanan yang baik dalam membina kepercayaan masyarakat untuk terus melaksanakan rondaan komuniti RELA di kawasan berfokus. Menurut Azrina dan Vishalavhe (2016) kesan dari pelaksanaan rondaan komuniti RELA yang telah mula dijalankan di negara kita dapat mengukuhkan lagi pembentukan personaliti yang baik dalam masyarakat, keperibadian, jati diri, nilai, kepercayaan serta motivasi seterusnya menjadikan sukarelawan sebagai ikon/model/contoh terbaik kepada belia lain serta menjadi ejen sosial terbaik. Hal ini mampu untuk membantu pihak kerajaan untuk mengurangkan kos dalam membaik pulih prasarana akibat perbuatan vandalisme, tanggungan dalam pengurusan pusat pemulihan akhlak/dadah serta penjara. Selari dengan tujuan utama aktiviti kesukarelawan ini dilaksanakan, pelbagai pertubuhan seperti Skuad Sukarelawan 1 Malaysia, Kelab Putra 1 Malaysia, Sukarelawan Alumni Pelatih Khidmat Negara (PLKN), 1Malaysia for Youth (iM4U), Malaysian Medical Relief Society (MERCY Malaysia), Malaysian Youth Volunteering Programme (MyCorps) dan lain-lain ditubuhkan untuk membantu menjayakan organisasi sukarela mencapai objektif penubuhan organisasi dengan menyediakan barang dan perkhidmatan yang secukupnya untuk meringankan beban golongan yang dibantu (Saifuddin, 2001).

Dalam usaha mencapai objektif utama di mana kajian dilaksanakan bagi memperlihatkan penglibatan yang baik dalam aktiviti kesukarelawanan, Norehan (2018) menyatakan bahawa pada peringkat umur golongan dewasa adalah masa yang terbaik memiliki tahap kesihatan yang stabil, kekuatan paling hebat dan refleksi diri paling aktif berbanding golongan-golongan usia yang lain. Kajian lain yang dijalankan oleh Fauziah et al. (2018) mendapatkan bahawa lingkungan umur individu sukarelawan di antara 15 tahun hingga 44 tahun dan mempunyai pekerjaan berperanan sebagai faktor motivasi yang baik untuk masyarakat luar turut sama menyertai program sukarela tanpa alasan. Tidak dinafikan juga penglibatan golongan mahasiswa di institusi pengajian tinggi telah mendapat sambutan yang baik selari dengan usaha institusi memupuk sifat yang harmoni dalam diri mahasiswa.

### **JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)**

"Home Guard" atau "Pengawal Kampung" ditubuhkan bertujuan untuk menjaga keselamatan setempat apabila negara darurat pada tahun 1948 oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Ahli-ahlinya terdiri daripada sukarelawan masyarakat setempat. Pasukan Pengawal Kampung dibubarkan setelah darurat diisytiharkan tamat pada 31 Julai 1960.

Tenaga sukarelawan ditubuhkan sekali lagi apabila negara menghadapi ancaman konfrontasi dengan Indonesia dari tahun 1963-1965. Pasukan Kawalan telah diwujudkan bagi membantu agensi keselamatan menangani pendaratan dan penyusupan pihak Indonesia. Pada waktu itu, Pasukan Kawalan bertindak sebagai mata dan telinga kerajaan untuk melaporkan kepada pasukan keselamatan tentang ancaman pihak Indonesia. Apabila tamat konfrontasi pada tahun 1965, ia telah dibubarkan.

Selain itu, ekoran tragedi 13 Mei 1969, kerajaan merasakan perlu diwujudkan pasukan sukarelawan yang tetap bagi menjadi mata dan telinga kerajaan dalam menangani masalah dan ancaman keselamatan. Dan akhirnya, pada 11 Januari 1972, kerajaan telah

mengambil keputusan untuk menubuhkan RELA di bawah Seksyen 2 Akta (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1964 (Peraturan-Peraturan Perlu Ikatan Relawan Rakyat) 1966 Pindaan 2005.

Pada tahun 2012 proklamasi darurat dimansuhkan oleh kerajaan maka Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752) telah digubal sebagai ganti punca kuasa pewujudan RELA. Peranan dan tugas RELA dinyatakan dalam Seksyen 5 (1) Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752) telah menggariskan tugas RELA seperti berikut:

- i. Membantu mana-mana pasukan atau pihak berkuasa keselamatan yang ditubuhkan di bawah undang-undang bertulis apabila diminta oleh pasukan keselamatan atau pihak berkuasa itu;
- ii. Memberikan bantuan kepada pihak berkuasa yang berkaitan dalam mengawal dan mengubah haluan kenderaan motor;
- iii. Mengambil bahagian dalam khidmat masyarakat; Membantu dalam melindungi bangunan, pepasangan atau harta lain yang dipunyai oleh kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri atau mana-mana badan berkanun lain atau apa-apa harta persendirian apabila diminta oleh pemunya bangunan, pepasangan atau harta itu; dan
- iv. Menjalankan apa-apa perintah dan arahan yang dikeluarkan oleh ketua pengarah yang selaras dengan peruntukan akta ini.

Seksyen 5(1)a diguna pakai apabila RELA melaksanakan tugas dalam membantu agensi-agensi keselamatan dan agensi kerajaan lain seperti berikut:

1. Sebagai duta kecil kerajaan dalam penyebaran dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan .
2. Melaksanakan jaringan kerjasama dengan pasukan keselamatan dan lain-lain agensi penguatkuasaan.
3. Menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan sosioekonomi

- setempat.
4. Membangunkan modal insan melalui latihan yang bersesuaian.

## **Elaun RELA**

Semasa menjalani latihan dan melaksanakan tugas yang ditetapkan, anggota-anggota RELA perlu dibayar suatu elauan yang kadarnya adalah di bawah kuasa Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan sebagaimana termaktub di bawah Seksyen 15 Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 (Akta 752), “Seorang anggota RELA yang bertugas hendaklah dibayar apa-apa elauan yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Menteri Kewangan.” Kadar elauan anggota RELA berkuat kuasa 1 Januari 2020 adalah seperti berikut:

Anggota berpangkat penyelia:	RM9.80 sejam
Anggota biasa :	RM8.00 sejam

Elaun ini dibayar kepada anggota yang menjalankan tugas yang diarahkan oleh jabatan. Anggota juga dibayar elauan apabila pihak swasta dan orang persendirian memohon perkhidmatan anggota RELA. Terdapat juga perkhidmatan atau kerja-kerja secara sukarela yang dibuat oleh anggota RELA tidak dibayar elauan seperti aktiviti gotong royong.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah bersifat kuantitatif yang mana dikawal oleh kaedah pengumpulan data dan analisis data. Kaedah pensampelan rawak mudah telah digunakan berdasarkan senarai kawasan berfokus bagi 14 buah negeri yang terlibat pada tahun 2020 (Lampiran 2). Kawasan berfokus merupakan kawasan yang telah dipilih oleh RELA untuk dijalankan rondaan komuniti secara berfokus dan tetap dalam suatu tempoh yang ditentukan. Kaedah Google Form telah diguna pakai oleh pihak RELA di dalam kajian ini menerusi edaran oleh pihak RELA. Penggunaan kaedah ini

adalah paling sesuai susulan penularan pandemik COVID-19 di seluruh negara yang membataskan pergerakan para penyelidik. Seramai 25,622 responden daripada keseluruhan populasi telah menjawab soal selidik tersebut.

Pengumpulan data bermula dari 20 November hingga 31 Disember 2020 dan data dianalisis sebaik sahaja kajian telah mencapai jumlah responden yang dikehendaki. Tempoh yang diberikan oleh pihak RELA adalah bersesuaian dengan mengambil kira komitmen para responden. Proses pengumpulan data telah menerima maklum balas sebanyak 25,621 responden. Data yang diterima telah dikemas kini dengan mengambil kira outlier yang perlu diasingkan bagi mendapatkan keputusan yang tepat. Oleh itu, kajian ini melibatkan 25,621, responden sahaja untuk dianalisis sebagai dapatan kajian. Kajian ini menggunakan perisian statistik *Statistical Package for Social Science* (SPSS) dalam proses penganalisan data. Analisis deskriptif dan inferensi digunakan dalam kajian ini iaitu seperti *Deskriptif, Cross Tabulation, dan Chi Square*.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah berdasarkan setiap data yang telah diterima dan dikumpulkan daripada semua responden. Analisis deskriptif digunakan bagi mengenal pasti taburan responden bagi latar belakang demografi. analisis deskriptif adalah merujuk kepada demografi responden seperti jantina, umur, agama, bangsa, status pekerjaan, dan anggota RELA.

Secara keseluruhannya seramai 25,621 responden telah menjawab soal selidik yang terdiri daripada 16,260 responden lelaki (63.5%) dan selebihnya iaitu 9,361 responden wanita (36.5%). Jika dilihat secara terperinci, setiap negeri menunjukkan bilangan responden lelaki melebihi responden wanita. Keadaan ini merujuk kepada keanggotaan badan kesukarelawanan RELA itu sendiri adalah lelaki.

## **Jantina**

Secara keseluruhannya seramai 25,621 responden telah menjawab soal selidik yang terdiri daripada 16,260 responden lelaki (63.5%) dan selebihnya iaitu 9,361 responden wanita (36.5%) (sila rujuk Jadual 1). Jika dilihat secara terperinci, setiap negeri menunjukkan bilangan responden lelaki melebihi responden wanita. Keadaan ini merujuk kepada keanggotaan badan kesukarelawanan RELA itu sendiri adalah lelaki. Selain dari Sabah dan Sarawak yang menunjukkan bilangan responden yang tinggi iaitu 4370 (Sabah) dan 6337 (Sarawak), bilangan responden juga adalah agak tinggi iaitu Perak (n=2716), Kedah (n=1702), Pahang (n=1536) dan Johor (n=1530). Dapatan ini adalah selari dengan keputusan Chi Square iaitu terdapat perkaitan yang sederhana signifikan ( $\chi^2 = .372$ ) di antara boleh ubah negeri dan juga jantina [ $\chi^2 (65, N = 25,621) = 3542.474$ ,  $p < 0.000$ ]. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua jantina adalah berbeza dari satu negeri ke satu negeri yang lain.

### **Jadual 1:**

*Peratusan Taburan Demografi Mengikut Jantina (n=25,621)*

Negeri	Jantina				Jumlah
	Lelaki		Perempuan		
	f	%	f	%	
Perlis	238	1.5	1.3	1	360
Kedah	1015	6.2	7.3	7	<b>1702</b>
Pulau Pinang	763	4.7	5.4	5	1269
Perak	1798	11.1	9.8	10	<b>2716</b>
Selangor	888	5.5	5.4	6	1397
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	424	2.6	2.3	2	637
Negeri Sembilan	699	4.3	4.3	4	1099
Melaka	256	1.6	1.0	1	354
Johor	912	5.6	6.6	7	<b>1530</b>
Kelantan	871	5.4	4.8	5	1320
Terengganu	651	4.0	3.7	4	994
Pahang	883	5.4	7.0	7	<b>1536</b>
Sabah	<b>2684</b>	16.5	18.0	18	4370
Sarawak	<b>4178</b>	25.7	23.1	23	6337
<b>Jumlah</b>	<b>16260</b>	63.5	9361	36.5	25621

## ***Umur***

Mengambil kira taburan umur responden (rujuk Jadual 2), kajian ini mendapati bilangan responden yang paling tinggi adalah kelompok umur 28 tahun hingga 37 tahun iaitu seramai 7,319 responden (28.6%), diikuti dengan kelompok umur 38 tahun hingga 47 tahun seramai 6,256 responden (24.4%), dan kelompok umur 45 tahun hingga 57 tahun seramai 5,857 responden (22.9%). Dapatan ini menunjukkan kelompok umur responden iaitu 28 tahun hingga 37 tahun yang menepati julat umur produktif dan mempunyai nilai tanggung jawab yang tinggi dalam memikul tugas dalam pertubuhan (Prijono, 1995). Walau bagaimanapun, kelompok umur dari 68 tahun ke atas adalah lebih rendah iaitu seramai 389 responden (1.5%).

Jadual 2:

*Peratusan Demografi Mengikut Umur (n=25621)*

<b>Umur</b>	<b>Peratus (%)</b>
18-27	15.9
28-37	28.6
38-47	24.4
48-57	22.9
58-67	6.8
68 ≥	1.5
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>

## ***Agama***

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan, penglibatan seramai 25,621 dari 14 negeri telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan (rujuk Jadual 3). Berdasarkan kepada analisis deskriptif, Jadual 3 juga menunjukkan agama Islam mempunyai paling ramai responden seramai 18,214 (71.1%) responden daripada jumlah keseluruhan responden. Ini diikuti dengan responden dari agama Kristian iaitu seramai 4,976 (19.4%) responden dan agama Buddha seramai 1,378 responden (5.4%).

Manakala agama Hindu seramai 965 (3.8%) responden dan hanya 88 (0.3%) responden dari agama lain-lain yang mana mencatatkan jumlah responden terendah. Manakala, tabulasi silang

memberikan dapatan yang lebih signifikan. Agama Islam menunjukkan taburan yang paling tinggi dengan jumlah majority sebanyak 71% (n= 18214) dan diikuti dengan agama Kristian (19%, n=4976).

**Jadual 3:**

*Peratusan Taburan Agama Responden Mengikut Negeri (n=25,261)*

Negeri	Islam		Buddha		Hindu		Kristian		Lain-lain		Jumlah
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	
Perlis	335	1.8	15	1.1	7	0.7	3	0.1	0	0.0	360
Kedah	1542	8.5	61	4.4	82	8.5	14	0.3	3	3.4	1702
Pulau Pinang	861	4.7	250	18.1	101	10.5	54	1.1	3	3.4	1269
Perak	2416	13.3	0	0.0	300	31.1	0	0.0	0	0.0	2716
Selangor	1180	6.5	116	8.4	82	8.5	13	0.3	6	6.8	1397
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	509	2.8	62	4.5	55	5.7	10	0.2	1	1.1	637
Negeri Sembilan	877	4.8	96	7.0	107	11.1	13	0.3	6	6.8	1099
Melaka	320	1.8	18	1.3	15	1.6	1	0.0	0	0.0	354
Johor	1077	5.9	258	18.7	136	14.1	56	1.1	3	3.4	1530
Kelantan	1266	7.0	47	3.4	2	0.2	1	0.0	4	4.5	1320
Terengganu	954	5.2	37	2.7	2	0.2	1	0.0	0	0.0	994
Pahang	1363	7.5	91	6.6	48	5.0	13	0.3	21	23.9	1536
Sabah	2822	15.5	47	3.4	20	2.1	1471	29.6	10	11.4	4370
Sarawak	2692	14.8	280	20.3	8	0.8	3326	66.8	31	35.2	6337
<b>Jumlah</b>	<b>18214</b>	<b>71.1</b>	<b>1378</b>	<b>5.4</b>	<b>965</b>	<b>3.8</b>	<b>4976</b>	<b>19.4</b>	<b>88</b>	<b>0.3</b>	<b>25621</b>

Agama Buddha berada di tempat ketiga tertinggi selepas Kristian dengan bilangan responden seramai 1378 (5.4%). Jumlah yang lebih rendah adalah agama Hindu (3.8%, n=965) dan lain-lain (0.3%, n= 88). Kajian ini turut melihat kepada dapatan Chi-Square bagi pemboleh ubah kawasan berfokus dari setiap negeri dengan agama (Lampiran 3 hingga 16). Kajian mendapati terdapat perkaitan yang signifikan dan tinggi kepada kedua-dua pemboleh ubah [ $\chi^2(572, N = 25,621) = 24663.944, p < 0.000$ ] dengan nilai phi, iaitu  $\phi = 0.981$ . Dengan adanya dapatan ini, ia menunjukkan bahawa pemilihan kawasan berfokus memainkan peranan yang signifikan

bagi menentukan taburan agama responden.

Bangsa

Kategori bangsa dibahagikan kepada enam iaitu Melayu, Cina, India, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan lain-lain bangsa (Jadual 4). Bangsa Melayu merujuk kepada responden yang tertinggi seramai 15,433 (60.2%) responden yang terlibat dalam rondaan komuniti berfokus dan seramai tujuh responden (0.4%) adalah dari lain-lain bangsa sebagai minoriti. Kelompok bangsa Bumiputra Sarawak pula merupakan kelompok responden kedua tertinggi iaitu 3,919 (15.3%) responden. Seterusnya, bangsa Cina seramai 1,758 (7.0%) responden dan diikuti oleh bangsa India iaitu seramai 1,070 (4.2%) responden (Jadual 4).

#### Jadual 4:

## *Peratusan Taburan Bangsa Responden Mengikut Negeri di Malaysia (n=25621)*

Negeri	Melayu		Cina		India		Bumipu ter a Sabah		Bumipu ter a Sarawa k		Lain- lain		Σ
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	F	%	
Perlis	335	2.2	10	0.6	8	0.7	1	0.0	0	0.0	6	5.3	360
Kedah	<b>1536</b>	10.0	66	3.7	89	8.3	2	0.1	0	0.0	9	7.9	1702
Pulau Pinang	833	5.4	291	16.3	126	11.8	7	0.2	1	0.0	11	9.6	1269
Perak	<b>2416</b>	15.7	0	0.0	300	28.0	0	0.0	0	0.0	0	0.0	<b>2716</b>
Selangor	1151	7.5	128	7.2	93	8.7	7	0.2	2	0.1	16	14.0	1397
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	478	3.1	66	3.7	68	6.4	20	0.6	1	0.0	4	3.5	637
Negeri Sembilan	868	5.6	104	5.8	116	10.8	3	0.1	2	0.1	6	5.3	1099
Melaka	319	2.1	20	1.1	15	1.4	0	0.0	0	0.0	0	0.0	354
Johor	1065	6.9	285	15.9	161	15.0	7	0.2	7	0.2	5	4.4	1530
Kelantan	1265	8.2	39	2.2	2	0.2	1	0.0	0	0.0	13	11.4	1320

Terengganu	953	6.2	39	2.2	1	0.1	0	0.0	0	0.0	1	0.9	994
Pahang	1349	8.7	100	5.6	56	5.2	2	0.1	2	0.1	27	23.7	1536
Sabah	950	6.2	142	7.9	22	2.1	<b>3227</b>	97.9	16	0.4	13	11.4	<b>4370</b>
Sarawak	<b>1915</b>	12.4	498	27.9	13	1.2	20	0.6	<b>3888</b>	99.2	3	2.6	<b>6337</b>
<b>Jumlah</b>	<b>15433</b>	60.2	1788	7.0	1070	4.2	3297	12.9	3919	15.3	114	0.4	25621

Secara keseluruhan, kajian ini mendapati bahawa responden bangsa Melayu adalah satu-satunya bangsa yang ada pada setiap negeri berbanding dengan bangsa Cina, India, Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak dan lain-lain bangsa. Kewujudan bangsa Melayu ini adalah selari dengan majoriti warga Malaysia iaitu 69.6% bagi golongan Bumiputera (Melayu, Bumiputera Sabah dan Bumiputera Serawak), 22.6% adalah dari kumpulan Cina, 6.8% bagi kumpulan India, dan hanya 1% bagi lain-lain kumpulan etnik (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

### ***Status Pekerjaan***

Aspek kategori pekerjaan dibahagikan kepada tujuh kategori utama: i) Kakitangan awam; ii) Pekerja Swasta; iii) Bekerja sendiri; iv) Pelajar; v) Suri rumah; vi) Tidak bekerja; dan vii) Lain-lain (rujuk Jadual 5). Kelompok bekerja sendiri merujuk kepada responden yang tertinggi dalam rondaan komuniti seramai 8,725 responden (34.1%). Kelompok kategori Pekerja Swasta pula mendominasi kelompok responden kedua paling ramai iaitu 5,481 responden (21.4%). Manakala kelompok lain-lain adalah kelompok paling sedikit iaitu seramai 731 (2.9%), diikuti dengan kelompok pelajar iaitu 919 responden (3.15%). Jadual 5 juga menjelaskan taburan responden mengikut jawatan bagi kakitangan awam iaitu seramai 4,950 (19.3%) responden, selanjutnya kelompok suri rumah seramai 2,807(11.0%) dan kelompok terakhir yang terlibat dalam rondaan komuniti ialah tidak bekerja iaitu seramai 2,008 responden (7.8%).

**Jadual 5:****Peratusan Taburan Responden mengikut Pekerjaan (n= 25,621)**

Pekerjaan	Peratusan (%)
Kakitangan Awam	19.3
Pekerja Swasta	21.4
Bekerja Sendiri	34.1
Pelajar	3.2
Suri Rumah	11
Tidak Bekerja	7.8
Lain-lain	3
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

**Anggota RELA**

Jadual 6 menunjukkan peratusan demografi bagi anggota RELA lebih ramai sebanyak 16,106 (62.9%) responden manakala 9,515(37.1%) responden adalah bukan anggota RELA. Kelompok anggota RELA yang tertinggi dalam rondaan komuniti seramai 3,756 (23%) responden dari negeri Sarawak, dan diikuti negeri Sabah sebanyak 2,800 (17%) responden. Manakala kelompok bagi negeri Perak seramai 2,716 (17%) responden, Selangor 1,123 (7%) responden, Pahang 1,018 (6%) responden, Kedah 984 (6%) responden, Johor 739 (5%) responden, Kelantan 813 (5%) responden. Selain itu Jadual 6 juga menunjukkan kelompok paling sedikit iaitu seramai 580 (2.85%) responden bagi negeri Terengganu, diikuti dengan Negeri Sembilan 489 (3%) responden, WPKL 422 (3%) responden, Pulau Pinang 363 (2%) responden, Perlis 165 (1%) dan akhir sekali Melaka 138 (1%) responden. Selain itu, responden bukan anggota RELA di negeri Sarawak paling tinggi di mana sebanyak 2,581 (27%) berbanding negeri – negeri lain, manakala negeri Sabah pulak merupakan negeri kedua tertinggi iaitu sebanyak 1,570 (17%) responden.

**Jadual 6:**

*Peratusan Taburan Demografi Responden Mengikut Keanggotaan RELA dalam Kalangan Responden (n= 25, 621)*

Negeri	Keanggotaan RELA				Jumlah	
	Tidak		Ya			
	f	%	f	%		
Perlis	195	2	165	1	360	
Kedah	718	8	984	6	1702	
Pulau Pinang	906	10	363	2	1269	
Perak	0	0	<b>2716</b>	17	2716	
Selangor	274	3	1123	7	1397	
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	215	2	422	3	637	
Negeri Sembilan	610	6	489	3	1099	
Melaka	216	2	138	1	354	
Johor	791	8	739	5	1530	
Kelantan	507	5	813	5	1320	
Terengganu	414	4	580	4	994	
Pahang	518	6	1018	6	1536	
Sabah	<b>1570</b>	17	<b>2800</b>	17	4370	
Sarawak	<b>2581</b>	27	<b>3756</b>	23	6337	
<b>Jumlah</b>	<b>9515</b>	100	<b>16106</b>	100	25621	

## KEBERKESANAN RONDAAN KOMUNITI RELA DI MALAYSIA

Jadual 7 , menunjukkan kekerapan peratusan keberkesaan terhadap rondaan komuniti RELA mengikut negeri di Malaysia dalam kalangan Anggota RELA dan Bukan Anggota RELA. Keputusan menunjukkan bilangan responden lebih berkesan berbanding sederhana berkesan, dan tidak berkesan bagi kalangan anggota RELA dan bukan anggota RELA. Jumlah keseluruhan responden bagi keberkesaan terhadap rondaan komuniti RELA bagi kalangan anggota RELA di Malaysia seramai 16,066 (62.7%) responden, berbanding 9,400 (37.3%) responden bagi kalangan bukan anggota RELA (sila rujuk Jadual 7).

Negeri Sarawak menunjukkan jumlah yang tertinggi berkesan bagi responden kalangan anggota RELA iaitu seramai 3,754 (23.4%) responden, manakala dua orang (8.7%) responden

telah menjawab sederhana berkesan dan selebihnya tiada responden yang menjawab tidak berkesan. Seterusnya, negeri Sabah pula merupakan negeri kedua tertinggi yang menjawab berkesan iaitu seramai 2,797 (17.4%), seorang (4.3%) responden bagi yang menjawab sederhana berkesan, dan bilangan tidak berkesan ialah dua orang (11.8%) responden.

### **Jadual 7:**

*Kekerapan dan Peratusan Tahap Keberkesanan Terhadap Rondaan Komuniti RELA mengikut negeri di Malaysia dalam Kalangan Anggota RELA dan Bukan Anggota RELA*

Negeri	RELA (n=16106)						Bukan RELA (n=9515)						$\Sigma$	
	TB*		SB*		B*		TB*		SB*		B*			
	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%	f	%		
Perlis	-	-	3	13	162	1	-	-	-	-	195	2	360	
Kedah	1	14.3	1	4.3	982	6.1	12	15.6	2	5.3	704	7.5	1702	
Pulau Pinang	3	18	2	8.7	358	2.2	10	13	6	15.8	890	9.5	1269	
Perak	-	-	-	-	2716	16.9	-	-	-	-	-	-	2716	
Selangor	2	11.8	3	13	1118	7	9	11.7	-	-	265	2.8	1397	
WP KL	2	11.8	1	4.3	419	2.6	-	-	1	2.6	214	2.3	637	
Negeri Sembilan	2	11.8	2	8.7	485	3	4	5.2	6	15.8	600	6.4	1099	
Melaka	-	-	2	8.7	136	0.8	-	-	4	10.5	212	2.3	354	
Johor	2	11.8	2	8.7	735	4.6	4	5.2	-	-	787	8.4	1530	
Kelantan	1	14.3	-	-	812	5	11	14.3	3	7.9	493	9.2	1320	
Terengganu	1	14.3	1	4.3	578	3.6	5	6.5	3	7.9	406	4.3	994	
Pahang	1	14.3	3	13	1014	6.3	3	3.9	4	10.5	511	5.4	1536	
Sabah	2	11.8	1	4.3	2797	17.4	16	20.8	6	15.8	1548	16.5	4370	
Sarawak	-	-	2	8.7	3754	23.4	3	3.9	3	7.9	2575	27.4	6337	
Jumlah	17	100	23	100	16066	100	77	100	38	100	9400	100	<b>25621</b>	

\*Nota - TB: Tidak Berkesan; SB: Sederhana Berkesan; B: Berkesan

Negeri Perak pula mencatat 2,716 (16.9%) responden yang menjawab berkesan, dan tiada kekerapan peratusan bagi sederhana berkesan dan tidak berkesan. Negeri – negeri lain yang mencatat jumlah berkesan yang tinggi iaitu Selangor seramai 1,118 (7%), tiga orang (13%) pada tahap sederhana berkesan, dan seorang (13%) responden pada tahap tidak berkesan. Pahang seramai 1014 (6.3%) responden berkesan, tiga (13%) sederhana berkesan, dan seorang (14.3%) responden di tahap tidak berkesan. Kedah mencatat seramai 982 (6.1%) responden berkesan, seorang (14.3%) responden untuk sederhana berkesan, dan tidak berkesan seorang

(14.3%) responden. Kelantan mencatat 812 (5%) responden yang memilih berkesan, tiada responden yang memilih sederhana berkesan, dan yang memilih tidak berkesan seramai seorang (14.3%) responden sahaja.

Selebihnya, negeri-negeri yang terendah iaitu Johor 735 (4.6%) responden yang memilih berkesan, dua (8.7%) responden memilih sederhana berkesan, dua (11.8%) responden yang menjawab tidak berkesan. Terengganu pula seramai 578 (3.6%) yang menjawab berkesan, seorang (4.7%) responden yang menjawab sederhana berkesan, dan seorang (14.3%) responden yang menjawab tidak berkesan. Negeri Sembilan pula telah mencatat 485 (3%) berkesan, dua (8.7%) sederhana berkesan, dan dua (11.8%) responden yang memilih tidak berkesan. Selanjutnya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memperoleh 419 (2.6%) responden yang memilih berkesan, manakala seorang responden (4.3%) memilih sederhana berkesan dan dua orang (11.8%) memilih tidak berkesan. Negeri Pulau Pinang pula, responden memilih berkesan seramai 358 (2.2%) responden, dua orang (8.7%) responden, dan seramai tiga orang (1.8%) responden memilih tidak berkesan. Manakala Perlis dan Melaka masing – masing mencatat 162 (1%) dan 136 (0.8%) responden memilih berkesan. Seramai tiga (1.3%) responden memilih sederhana berkesan bagi negeri Perlis dan dua (8.7%) responden bagi negeri Melaka. Dan tiada responden yang menjawab tidak berkesan bagi negeri Perlis dan Melaka.

Jadual 7, juga menunjukkan responden negeri Sarawak bagi kalangan bukan anggota RELA menjawab berkesan lebih ramai berbanding negeri – negeri lain, iaitu seramai 2,575 (27.4%) responden, sementara tiga (7.9%) responden memilih sederhana berkesan, dan tiga (3.9%) responden memilih tidak berkesan. Seterusnya, negeri Sabah pula merupakan negeri kedua tertinggi dalam menjawab berkesan seramai 1,548 (16.5%), enam (15.8%) responden bagi yang menjawab sederhana berkesan, dan bilangan tidak berkesan 16 (20.8%) responden. Negeri Pulau Pinang pula mencatat 890 (9.5%) responden yang memilih berkesan, enam (15.8%) responden sederhana berkesan, dan 10 (13%) responden

tidak berkesan. Negeri – negeri lain yang tinggi bagi tahap berkesan iaitu Johor berjumlah 787 (8.4%), tiada nilai kekerapan dan peratusan bagi sederhana berkesan, dan empat (5.2%) responden yang memilih tidak berkesan. Kedah pula seramai 704 (7.5%) responden berkesan, dua (5.3%) responden yang sederhana berkesan, dan 12 (15.6%) responden yang tidak berkesan. Negeri Sembilan mencatat seramai 600 (6.4%) responden yang memilih berkesan, sederhana berkesan menunjukkan enam orang (15.8%) responden, dan tidak berkesan empat (5.2%) responden. Pahang mencatat 511 (5.4%) responden yang memilih berkesan, empat (10.5%) responden yang memilih sederhana berkesan, dan yang memilih tidak berkesan seramai tiga (3.9%) responden.

Sementara itu, Kelantan mempunyai 493 (9.2%) responden yang memilih berkesan, tiga (7.9%) responden sederhana berkesan, dan 11 (14.3%) tidak berkesan dan negeri Terengganu mencatat 406 (43%) responden yang pilih berkesan, tiga (7.9%) responden sederhana berkesan dan bilangan tidak berkesan ialah lima (6.5%). Selebihnya, negeri - negeri yang terendah iaitu Selangor memperoleh 265 (2.8%) responden yang memilih berkesan, tiada responden yang memilih sederhana berkesan, dan sembilan (11.7%) responden yang menjawab tidak berkesan. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula seramai 214 (2.3%) yang menjawab berkesan, seorang (2.6%) responden yang menjawab sederhana berkesan, dan tiada responden yang memilih tidak berkesan. Manakala Melaka dan Perlis masing – masing mencatat 212 (2.3%) dan 195 (2%) responden memilih berkesan. Seramai empat (10.5%) responden memilih sederhana berkesan bagi negeri Melaka dan tiada kekerapan serta peratusan bagi negeri Perlis. Melaka dan Perlis juga menunjukkan tiada responden bagi kekerapan dan peratusan tidak berkesan. Sementara itu, Perak pula mencatat negeri yang tiada jumlah responden bagi berkesan, sederhana berkesan, dan tidak berkesan.

Selanjutnya, Jadual 8 menunjukkan bilangan taburan silang jantina dan umur responden ke atas keberkesaan dalam kalangan anggota RELA mengikut kekerapan. Seramai (n=3,473) orang yang

berumur 28 – 37 tahun dari golongan lelaki, manakala seramai (n=1,485) orang dari golongan perempuan yang telah memilih berkesan. Selain itu, bagi responden yang memilih sederhana berkesan pula, seramai (n=6) orang yang berumur 38 – 47 tahun dan 48 – 57 tahun dari golongan lelaki, sementara itu, bagi golongan perempuan seramai (n= 4) orang yang berumur 28 – 37 tahun. Tambahan pula, bagi bilangan responden yang memilih tidak berkesan dari golongan lelaki iaitu seramai (n=5) orang yang berumur 38 - 47 tahun, manakala seramai (n=2) orang dari golongan perempuan yang berumur 18 – 27 tahun dan 28 – 37 tahun.

Ujian-T bagi tahap keberkesaan dalam kalangan anggota RELA menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara responden lelaki dan wanita,  $t(25619)=-18.153$ ,  $p=-0.000$ . Analisis ANOVA pula mendapati bahawa perbezaan yang signifikan berlaku secara statistik antara kumpulan umur responden dengan tahap keberkesaan rondaan komuniti RELA dalam kalangan anggota RELA ( $F (5,16100) = 3.514$ ,  $p = .004$ ). Ini menunjukkan bahawa tahap keberkesaan rondaan komuniti RELA akan berubah apabila perubahan berlaku pada kategori umur responden dalam kalangan bukan anggota RELA. Ujian Tukey post hoc menunjukkan bahawa tahap keberkesaan jauh lebih rendah apabila umur mereka semakin meningkat kepada 28 – 37 tahun ( $2.984 \pm 0.159$  tahun,  $p = .000$ ), dan 48 - 57 tahun ( $2.987 \pm 0.122$  tahun,  $p = .000$ ) berbanding dengan umur 18 hingga 27 tahun ( $2.971 \pm 0.210$  tahun). Tidak ada perbezaan yang signifikan secara statistik antara umur 38 hingga 47 tahun ( $p = .423$ ), 56 hingga 67 tahun ( $p=0.752$ ) dan umur 68 tahun ke atas ( $p=0.291$ ).

Tahap keberkesaan juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan di antara responden lelaki dan wanita dalam kalangan bukan anggota RELA,  $t(9513)=-1.744$ ,  $p=0.081$ . Walau bagaimanapun, ia adalah selari dengan dapatan analisis ANOVA yang menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan secara statistik antara kumpulan yang ditentukan oleh ANOVA sehala ( $F (5,9509) = 2.077$ ,  $p = .065$ ). Ini menunjukkan bahawa tahap keberkesaan rondaan komuniti RELA tidak akan berubah apabila perubahan

berlaku pada kategori umur responden dalam kalangan bukan anggota RELA.

**Jadual 8:**

*Taburan Silang Jantina dan Umur Responden ke atas Keberkesanan dan Sokongan dalam Kalangan Anggota RELA mengikut Kekerapan*

	Tidak Berkesan (n=17)		Sederhana Berkesan (n=23)		Berkesan (n=15912)	
	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
18-27 tahun	3	2	3	0	1430	743
28-37 tahun	3	2	6	4	3473	1485
38-47 tahun	5	0	6	0	2357	1295
48-57 tahun	0	1	3	0	2656	1474
58-67 tahun	1	0	1	0	802	197
68 ≥	0	0	0	0	120	34

Sementara itu Jadual 9, menunjukkan bilangan taburan silang jantina dan umur responden ke atas keberkesanan dalam kalangan bukan anggota RELA mengikut kekerapan. Seramai (n=9,400) orang yang telah memilih Positif, berbanding (n=48) orang yang telah memilih Negatif, dan (n= 38) orang yang memilih Neutral. Seramai (n=1,487) orang yang berumur 38 – 47 tahun dari golongan lelaki, manakala seramai (n=1,139) orang dari golongan perempuan berumur 28 – 37 tahun yang telah memilih berkesan. Selain itu, bagi responden yang memilih sederhana berkesan pula, seramai (n=14) orang yang berumur 28 – 37 tahun dari golongan lelaki, sementara itu, bagi golongan perempuan seramai (n= 10) orang dari umur yang sama. Tambahan pula, bagi bilangan responden yang memilih tidak berkesan dari golongan lelaki iaitu seramai (n=8) orang yang berumur 48 - 57 tahun, manakala seramai (n=5) orang dari golongan perempuan yang berumur 18 – 27 tahun.

**Jadual 9:**

*Taburan Silang Jantina dan Umur Responden ke atas Keberkesanan dan Sokongan dalam Kalangan Bukan Anggota RELA mengikut Kekerapan*

	Tidak Berkesan (n=48)		Sederhana Berkesan (n=38)		Berkesan (n=9400)	
	Lelaki	Perempuan n	Lelaki	Perempuan n	Lelaki	Perempuan
18-27 tahun	10	3	2	5	912	948
28-37 tahun	6	9	6	3	1183	1139
38-47 tahun	14	10	7	3	1487	1072
48-57 tahun	9	6	8	0	1142	558
58-67 tahun	8	1	1	3	463	262
68 ≥	1	0	0	0	132	102

**Penutup**

Kesimpulannya aktiviti kesukarelawanan yang dijalankan di negara kita kini menjadi perhatian dari pelbagai kelompok masyarakat kerana tujuan pelaksanaannya didapati memberi banyak kebaikan kepada semua lapisan masyarakat. Dalam usaha kumpulan sukarelawan ini bekerjasama menjayakan program sukarelawan mereka, masyarakat Malaysia mendapati bahawa aktiviti yang dijalankan telah menarik minat responden ramai dalam merangsang penyertaan masyarakat untuk terlibat dengan aktiviti kesukarelawanan yang memberi manfaat kepada komuniti. Setiap kepelbagaian dan perbezaan latar belakang seseorang responden individu sukarelawan dari pelbagai jantina, umur, agama, bangsa, dan kerjaya telah memperlihatkan bahawa terdapat perbezaan pembahagian pengendalian program sukarela yang berlainan.

Kajian ini tidak sahaja melihat kepada keberkesanan rondaan komuniti RELA tetapi juga melihat kepada persepsi dan sokongan masyarakat terhadap RELA itu sendiri dalam menjalankan rondaan komuniti. Secara keseluruhannya, rondaan komuniti RELA adalah di peringkat yang berkesan berbanding dengan kekerapan yang rendah pada tahap tidak berkesan. Adalah diharapkan dengan adanya dapatan kajian ini pihak RELA dapat menambah baik program menerusi cadangan-cadangan yang telah diberikan dalam kajian ini. Selain daripada itu, kerjasama adalah

sangat diperlukan daripada agensi-agensi lain dalam memastikan bahawa RELA ini dapat digunakan dengan lebih berkesan dan memberi manfaat kepada masyarakat di negara ini.

## **RUJUKAN**

Azrina Mazlin Alias & Vishalache, Balakrishnan (2016), Impak Kesukarelawanan Dalam Kalangan Belia di Kuala Lumpur: Satu Kajian. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Vol. 3 No. 4

Fauziah Binti Mohd Saad, Kamarulzaman Bin Kamarudin, Madya Dr Mohammad Aziz, Shah Bin Mohamed Arip, Norazani Binti Ahmad, Nurul'Ain Binti Mohd Daud , Hapsah Binti Md, Dr Yusof, Roslee Bin Ahmad, En Mohd Noor Bin Idris, En Che Anuar Bin Che Abdullah, (2018). Reliability testing of module to empower bully handling of wardens and students in boarding secondary schools in Malaysia. *International Review of Humanities and Scientific Research*, 296 – 302. {Available Online] <https://www.irhsr.org/papers/1528180358.pdf>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Anggaran Penduduk Semasa Malaysia 2020*. [Atas Talian] <https://www.permohonan.my/jumlah-penduduk-malaysia-terkini/#statistik-terkini-jumlah-penduduk-malaysia-2021>. Akses pada 24 Julai 2021.

Norehan Abdul Rahman. (2018). Tahap penglibatan dalam aktiviti sukarela dan kesannya terhadap kesejahteraan diri golongan awal dewasa di Kedah. Dalam *Tesis Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan (Psikologi)*, Universiti Sains Malaysia.

Prijono, D., Gani, M. S., & Syahputra, E. (1995). Screening of Actitity of Annonaceous, Fabaceous, and Meliaceous Seed Extracts against Cabagge Head Caterpilar, Crocidolomia binotalis Zeller (Lepidoptera; Pyralidae). *Bul. HPT*, 8, 74-77.Saifuddin Abdullah. (2001). *Gerakan Kesukarelaan Menjana Perubahan Bermakna*. Kuala Lumpur: Majlis Belia Malaysia.

Tharshini, N. K., Ibrahim, F., & Zakaria, E. (2019), Self-Concept of Young Offenders Undergoing Non-Custodial Sentences in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(14), 245 –255.

Zaiton Azman. (2020). Pengawasan komuniti dan pencegahan jenayah di malaysia: sejarah perkembangannya. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(2), 39-61.

**Senarai Kawasan Berfokus (Hotspot) Jabatan Sukarelawan Malaysia**

Bil	Negeri	Daerah	Kawasan Fokus (Terkini)
1	Johor	Batu Pahat	Kg Bukit Kelicap, Senggarang 83200 Batu Pahat.
2		Johor Bahru	Taman Perlling, 81200 Johor Bahru.
3		Kuang	Kg. Baru Km 5, Jln Mersing, 86000 Kuang.
4		Kota Tinggi	Perumahan Taman Kota Jaya, Kota Tinggi, Johor
5		Kulai	Jln Pertanian 40,Taman Universiti, 81300 Skudai.
6		Mersing	Taman Wawasan 86800 Mersing
7		Muar	Taman Sg Abong, Sg Abong 84000 Muar.
8		Pontian	Taman Sri Mahkota Fasa1,2, 82200 Benut, Pontian.
9		Segamat	Taman Yayasan Fasa 1&2 85000 Segamat.
10		Tangkak	Jalan Gambir 2, Bandar Baru, 84800 Bukit Gambir, Tangkak.
11	Kedah	Baling	Kampung Paya Menora
12		Bandar Baharu	Mukim Serdang; Pekan Serdang, Pekan Selama, Pekan Bandar Baharu, Taman Kelisa Emas, Taman Perumahan Serdang
13		Kota Setar	Kuala Kedah
14		Kuala Muda	Flat Paya Nahu
15		Kubang Pasu	Mukim Sanglang : Ayer Hitam
16		Kulim	Paya Besar, Lunas Kulim
17		Langkawi	Taman Nilam
18		Padang Terap	Kampung Tanjung Piring, Nami
19		Pendang	Jenun
